

MODUL MATEMATIK TAHUN 6

TARIKH/HARI : 28.10.2021 / Khamis
TAJUK : Pecahan (ulangkaji)

STANDARD KANDUNGAN : (ulangkaji)

STANDARD PEMBELAJARAN : ulangkaji

STANDARD PRESTASI : -

OBJEKTIF : Murid dapat menyelesaikan masalah harian melibatkan pecahan wajar yang penyebutnya hingga 10 dengan nombor bulat dengan betul.

Gunakan Buku Modul Diamond muka surat 30 atau buku latihan. Jangan cetak soalan.

Contoh

Jadual di bawah menunjukkan bilangan Murid dalam tiga buah kelas.

Kelas	6 A	6B	6C
Bilangan murid	44	40	36

$\frac{3}{5}$ daripada murid itu adalah lelaki.
Hitung bilangan murid perempuan ?

Maklumat : $\frac{3}{5}$ lelaki, $\frac{2}{5}$ perempuan

Jumlah keseluruhan murid = 120 orang

Pengiraan
Bilangan murid perempuan

$$\frac{2}{5} \times 120 = 2 \times 24 = 48 \text{ orang murid perempuan}$$

Jawab semua soalan. Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas. Tunjukkan langkah-langkah

56. Norfarahiyah ada 160 biji guli. $\frac{1}{4}$ daripada guli itu berwarna kuning dan bakinya berwarna hitam, merah dan hijau. Jika bilangan guli berwarna hitam, merah dan hijau adalah sama, berapakah bilangan guli berwarna hitam ?

58. Sebuah kelas terdiri daripada 18 orang murid lelaki dan 24 orang murid perempuan. $\frac{1}{2}$ daripada murid lelaki dan $\frac{1}{3}$ murid perempuan tidak mengambil bahagian dalam sukan. Hitung bilangan murid yang mengambil bahagian dalam sukan.

57. Jadual 57 menunjukkan bilangan murid dalam tiga jenis sekolah.

Sekolah	SK	SJKT	SJKC
Jumlah bilangan murid	1 268	342	1 239

Jadual 57

$\frac{4}{7}$ daripada murid itu ialah perempuan.
Hitung bilangan murid lelaki ?

x

59. Sebuah kelas terdiri daripada 80 orang murid lelaki dan 64 orang murid perempuan. $\frac{5}{8}$ daripada murid lelaki dan $\frac{3}{4}$ murid perempuan mengambil bahagian dalam sukan. Hitung bilangan murid yang Tidak mengambil bahagian dalam sukan.

ANSWER :